



كردان نكرت قك بزاز الامتار

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN  
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04 - 702 7795  
Faks : 04 - 702 7720  
(Bhg. Kewangan)  
: 04 - 702 7722  
(Bhg. Perbendaharaan)  
Laman Web : ppnk.kedah.gov.my  
E-mel : pkpkn@kedah.gov.my

كردان نكرت قك بزاز الامتار  
KEDAH SEJAHTERA  
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj.Kami : PPNK.BN 400/2/1/4 (19)  
Tarikh : 16 Ogos 2021  
7 Muharram 1443H

## SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN/PTJ NEGERI KEDAH

S.S Dato' Paduka / YAA Dato' / Yang Berhormat Dato' Paduka / Yang Berhormat Dato' /  
Yang Berhormat / Yang Berbahagia Dato' / Tuan / Puan,

### URUSAN PEMBAYARAN BIL DAN TUNTUTAN BAYARAN DALAM TEMPOH EMPAT BELAS (14) HARI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sepertimana ketetapan AP 103(a), ketua jabatan atau ketua pejabat hendaklah memastikan bil dibayar dengan segera tidak lewat daripada empat belas (14) hari daripada tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna.
3. Untuk makluman S.S Dato' Paduka / YAA Dato' / YB Dato' Paduka / YB Dato' / YB / YBhg Dato' / Tuan / Puan, prestasi bayaran Kerajaan Negeri dipantau oleh Jabatan Perdana Menteri dan perlu dilaporkan pada setiap bulan. Berdasarkan laporan yang dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri bagi tempoh Januari hingga Mei 2021, didapati Kerajaan Negeri Kedah mencatatkan bilangan tertinggi bagi bayaran yang melebihi empat belas (14) hari berbanding negeri-negeri lain.
4. Sehubungan itu, dipohon kerjasama daripada pihak S.S Dato' Paduka / YAA Dato' / YB Dato' Paduka / YB Dato' / YB / YBhg Dato' / Tuan / Puan untuk memastikan pembayaran segera dibuat bagi semua bil dan tuntutan bagi memastikan prestasi bayaran Kerajaan Negeri dapat diperbaiki dan seterusnya mencapai sifar bayaran dalam tempoh melebihi empat belas (14) hari.
5. Pihak S.S Dato' Paduka / YAA Dato' / YB Dato' Paduka / YB Dato' / YB / YBhg Dato' / Tuan / Puan dikehendaki untuk membuat pemantauan rapi ke atas daftar bil dan mengambil tindakan proaktif bagi membolehkan tindakan segera dilaksanakan dan mengelakkan bil dan tuntutan dibayar melebihi tempoh empat belas (14) hari.
6. Kerjasama daripada pihak S.S Dato' Paduka / YAA Dato' / YB Dato' Paduka / YB Dato' / YB / YBhg Dato' / Tuan / Puan berkaitan perkara ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

..2/...

PPNK.BN 400-2/1/4 (19)

Sekian.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT, DSSS., SDK., AMK., BCK.)**

Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman

s.k YB Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

MZS/shz